

Bil. S 5

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2012/2013) (BIL. 2), 2013

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 48/2011) bertarikh 9 haribulan Ogos 2011 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan perintah tersebut, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh bab 10(3) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, jika Baginda berpuas hati bahawa suatu keperluan yang segera dan tidak diduga telah timbul bagi perbelanjaan yang tidak ada dalam peruntukan lain dan wang tidak dapat diadakan di bawah bab 13(4) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan), membuat pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka untuk memenuhi keperluan itu.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lima ribu, dua ratus tiga puluh juta, dan tujuh ratus lapan puluh lima ribu ringgit (\$5,230,785,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2012/2013), 2012 (Akta 1 tahun 2012).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang satu ratus lima puluh lima juta, dua ratus sembilan puluh enam ribu dan lima ratus ringgit (\$155,296,500.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2012/2013) (Bil. 1), 2013.

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tujuh juta, empat ratus lima puluh enam ribu, tujuh ratus enam puluh tujuh ringgit (\$7,456,767.00).

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2012/2013) (Bil. 2), 2013.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2012/2013, peruntukan dan penggantian jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tujuh juta, empat ratus lima puluh enam ribu, tujuh ratus enam puluh tujuh ringgit (\$7,456,767.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua dari Jadual bagi tahun 2012/2013, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2012/2013), 2012 (Akta 1 tahun 2012) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2012/2013) (Bil. 1), 2013 adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga dari Jadual tersebut itu adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama ini.

(3) Penggantian jumlah wang sedemikian dengan jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang keempat dari Jadual ini, yang merupakan jumlah-jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka, adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

[1] Tajuk perbelanjaan	[2] Gelaran	[3] Jumlah wang yang diperuntukkan	[4] Pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka
	KEMENTERIAN KEWANGAN		
SD01A	Jabatan Kementerian Kewangan	\$2,857,000.00	\$2,857,000.00
	KEMENTERIAN KESIHATAN		
SM03A	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan	\$4,599,767.00	\$4,599,767.00
		\$7,456,767.00	\$7,456,767.00

Diperbuat pada hari ini 17 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 29 haribulan Januari, 2013 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM